



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

21 Ramadhan 1441 / 15 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Jumaat, 21 Ramadhan 1441H bersamaan 15 Mei 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, **satu kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh seramai 135 orang.** Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah seramai **5 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal. Walau bagaimanapun, hanya seorang sahaja yang masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine* (ECMO) dan mesin pernafasan, manakala seorang lagi kini hanya

memerlukan bantuan mesin pernafasan sahaja. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada ketika ini, seramai **101 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,578 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 182 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 16,705 ujian.
5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

**Selamat menunaikan ibadah puasa. Sama-samalah kita
mempertingkatkan amal ibadah kita di penghujung
Ramadhan ini dan berdoa semoga Allah Subhanahu Wa
Ta'ala memberikan kesembuhan kepada semua pesakit
terutama sekali yang berada di Pusat Pengasingan**

**Kebangsaan dan agar Negara Brunei Darussalam sentiasa
terlindung dari wabak COVID-19.
Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamiin**

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 21 Ramadhan 1441H / 15 Mei 2020